

“ Golongan muda sepatutnya perlu mengutamakan faktor utama untuk memperkuuh dan mengekalkan sesebuah perkahwinan itu, termasuk pendidikan agama bagi mengelak berlaku konflik dalam rumah tangga mereka”


Dr Mohammad Shatar Sabran

“ Saya mengakui kami bernikah hanya bersandarkan faktor luaran semata-mata termasuk mempunyai pendapatan yang agak mewah. Namun, sejak perniagaan saya mula merosot hujung tahun lalu, dia terus berubah dan memberi pelbagai alasan untuk meninggalkan saya termasuk mempunyai lelaki lain”

Aiman

“ Namun, selepas hanya seketika kami tinggal bersama, dia tiba-tiba berubah dan mula berenggang dengan saya sebelum langsung tidak pulang ke rumah, sekali gus mengabaikan tanggungjawabnya sebagai suami”

Suri



MUKA ‘HENSEM’ POKET BERISI

Oleh Iskandar Shah

Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pasangan mesti cantik, kacak, tinggi dan kaya menjadi sasaran utama golongan muda masa kini untuk membina rumah tangga dan bukan lagi faktor seperti kesetiaan, latar belakang agama dan persefahaman. Itu antara rumusan hasil kajian yang dijalankan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM)

Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran yang juga pakar soiologi.

Beliau menjalankan kajian itu terhadap 1,000 individu bujang berusia 19 hingga 25 tahun selama enam bulan pada tahun lalu yang mendapat rata-rata mereka lebih cenderung memilih rupa paras serta harta pasangan yang bakal dikahwini.

Statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebelum ini menunjukkan lebih 274,000 pasangan bercerai di seluruh negara sejak enam tahun lalu, termasuk 38,035 kes dari Januari hingga Ogos tahun lalu.

Seramai 156 pasangan Islam bercerai setiap hari dan rata-rata kes perceraian membabitkan

pasangan muda dengan usia perkahwinan tidak sampai lima tahun.

Mohammad Shatar berkata, kajian yang dijalankan itu membabitkan 500 responden lelaki dan 500 responden wanita yang memberi jawapan sama apabila ditanyakan mengenai ciri pasangan idaman mereka untuk mendirikan rumah tangga.

“Saya sememangnya agak terkejut apabila semua responden berkenaan memberi jawapan mahu pasangan yang cantik atau kacak, berkulit cerah, bertubuh tinggi dan kaya,” katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, hasil kajian ini menunjukkan golongan muda



■ Kajian UPM dedah pasangan utama penampilan dan harta bila pilih jodoh

masa kini tidak begitu mementingkan sifat kukuh atau kekal dalam ikatan pernikahan seperti setia dan bertanggungjawab, se kali gus menjadi antara punca peningkatan kes perceraian di negara ini.

Pihaknya juga mendapati selain isu berkaitan ekonomi isi rumah, faktor remeh iaitu mahu pasangan berpenampilan sempurna itu turut menjadi penyumbang kepada kes perceraian, terutama membabitkan pasangan muda.

"Golongan muda sepatutnya perlu mengutamakan faktor utama untuk memperkuuh dan mengekalkan sesebuah perkahwinan itu, termasuk pendidikan agama bagi mengebak berlaku konflik dalam rumah tangga mereka," katanya.

Menurut Mohammad Shatar, persepsi bahawa perceraian sebagai jalan mudah dan singkat untuk menyelamatkan krisis rumah tangga perlu ditepis dengan mencari jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasinya.

"Jika dibandingkan dengan zaman dulu, cerai dianggap perkara serius dan memalukan keluarga kedua-dua pihak. Namun, kini keadaan nyata ber-

beza kerana perceraian itu kerap berlaku dalam kalangan masyarakat," katanya.

Sehubungan itu, kata beliau, pihak berkaitan perlu mengkaji semula dan menambah baik modul perkahwinan se- dia ada bagi memastikan peranannya dilihat secara lebih meluas.

"Sebagai contoh, tempoh pelaks-

naan kursus itu dipanjangkan lagi dan turut dilengkapi dengan latihan amali seperti solat berjemaah, mengaji, aktiviti kerja rumah dan perkara berkaitan lain," katanya.

SAYANG TIGA BULAN

Kuala Lumpur: Ikatan perkahwinan seorang wanita muda bukan saja 'berkubur' dalam tempoh hanya tiga bulan, malah dirinya sehingga kini masih diselubungi seribu penyesalan kerana memilih pasangan idaman yang berwajah tampan dan kaya tanpa merasai nikmat kebahagiaan rumah tangga.

Ibarat memakan diri, lebih memerlukan apabila hati lelaki yang dicintainya sejak sekian lama itu berubah dalam sekilip mata selepas sebulan mereka bersama dan menceraikannya untuk bersama wanita lain.

Wanita malang yang mahu di- kenali sebagai Suri, 25, itu ber- kata, dia mengenali bekas suaminya selama tiga tahun sebagai rakan sekerja di sebuah syarikat swasta di ibu kota sebelum mula menjalinkan hubungan serius.

"Pada waktu itu, saya meminati semua kriteria yang ada pada lelaki berusia 28 tahun berkenaan terutama faktor ketinggian tubuh badan dan ketampanannya, selain turut ber- asal daripada golongan berada.

"Berikutnya keadaan diri saya yang tidak terlalu cantik, saya berasa terlalu bertuah dan bersyukur kerana dipilih menjadi kekasihnya sebelum kami melangsungkan perkahwinan pada pertengahan tahun lalu," kata- nya ketika ditemui Harian Mé- tro, di sini.

Menurut anak kedua daripada empat beradik itu, dia pada awalnya mengakui agak kekok untuk ber- rumah tangga kerana bim-

bang ditinggal atau diceraikan, namun bekas suaminya berjanji enggan berbuat demikian.

"Namun, selepas hanya seketika kami tinggal bersama, dia tiba-tiba berubah dan mula ber- renggang dengan saya sebelum langsung tidak pulang ke ru- mah, sekali gus mengabaikan tanggungjawabnya sebagai suami.

"Apabila ditanya, dia mem- beri alasan kononnya belum bersedia untuk memikul tang- gungjawab dan terus menceraikan saya tanpa sebab kukuh," katanya.

Kata Suri, kisah duka itu menjadi pengajaran paling ber- guna buat dirinya yang lebih mementingkan rupa paras dan harta daripada memilih ciri lelaki bertanggungjawab serta beriman.

Sementara itu, seorang lelaki dikenali sebagai Aiman, 30, ber- kata keegoannya mempunyai isteri cantik memakan diri apabila mahligai di- binanya bersama

wanita berusia 26 tahun ber- kenaan hanya bertahan selama enam bulan.

Menurut ahli perniagaan yang turut berperwatakkan menarik itu, perkenalan dengan bekas isterinya hanya berusia kurang setahun sebelum mereka me- ngambil keputusan untuk ber- kahwin walaupun tidak begitu mengenali diri masing-masing sepenuhnya.

"Saya mengakui kami berni- kah hanya bersandarkan faktor luaran semata-mata termasuk mempunyai pendapatan yang agak mewah. Namun, sejak perniagaan saya mula merosot hujung tahun lalu, dia terus ber- ubah dan memberi pelbagai ala- san untuk meninggalkan saya termasuk mempunyai lelaki lain.

"Kecewa dan tidak mahu batinnya terus terseka, saya men- ceraikannya awal tahun ini dan menyesali tindakan terbu- ru-buru berkahwin tanpa me- mahami sepenuhnya tang- gungjawab sebenar dalam alam perkahwinan," ka- tanya.

